



**MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH DARUL AMAN
IKLAN JAWATAN**

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan di Pentadbiran **Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman** seperti berikut :-

BIL	JAWATAN	GREED	KUMPULAN PERKHIDMATAN	TARAF JAWATAN	KOSONG
1	Pegawai Undang-undang	L41	Pengurusan Dan Profesional	Kontrak	1
2	Pembantu Tadbir (Perkeranian Operasi)	N19	Pelaksana	Kontrak	1

CARA MEMOHON/SYARAT LANTIKAN

1. Pegawai Undang-undang

- a) Jawatan : Pegawai Undang-undang
- b) Gred Jawatan : L 41
- c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perundangan Dan Kehakiman
- e) Taraf Jawatan : Kontrak
- f) Bilangan Kekosongan : 1 kekosongan

Jadual Gaji : Jadual Gaji Minimum – Maksimum

Gred L 41 : Minimum 2,418.00 – Maksimum 9,607.00

Pegerakan Gaji : Pegerakan gaji adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia berdasarkan prestasi perkhidmatan

Syarat Lantikan :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c) i) Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf denganya; atau

- ii) Lulus peperiksaan Akhir Peguam (Bar Final Examination)
- d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab memberi khidmat nasihat kepada Majlis Agama Islam Negeri Kedah dalam aspek perundangan Sivil dan Syariah serta menyemak kotrak dokumen perundangan bagi memastikan segala tindakan yang diambil adalah tidak bercanggah atau ultra vires dengan mana-mana peruntukan undang-undang sediaada.

2. Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)

- a) Jawatan : Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
- b) Gred Jawatan : N 19
- c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- d) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran Dan Sokongan
- e) Taraf Jawatan : Kontrak
- f) Bilangan Kekosongan : 1 kekosongan

Jadual Gaji : Jadual Gaji Minimum – Maksimum

Gred N 19 : Minimum 1,352.00 – Maksimum 4,003.00

Pegerakan Gaji : Pegerakan gaji adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia berdasarkan prestasi perkhidmatan

Syarat Lantikan :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c) i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
- ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau

- iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab membantu melaksanakan urusan pentadbiran am dan perundangan bagi membolehkan agensi menjalankan fungsi-fungsi yang ditetapkan dengan cekap dan berkesan.

Cara memohon :

- 1) Semua permohonan hendaklah menggunakan Borang MAIK/KHP Pindaan 2020 yang berharga RM2.00 senaskah dan boleh diperolehi di :

**MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH,
BANGUNAN WAN MAT SAMAN,
JALAN RAJA, 05460 ALOR STAR,
KEDAH DARUL AMAN.**

- 2) Kakitangan yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan mengikut Perintah Am Bab "A" 21.
- 3) Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah dihantar ke Majlis Agama Islam Negeri Kedah **TIDAK LEWAT** daripada **10 SEPTEMBER 2020** dan dialamatkan seperti berikut:-

**SETIAUSAHA
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH,
BANGUNAN WAN MAT SAMAN,
JALAN RAJA, 05460 ALOR STAR,
KEDAH DARUL AMAN.
(u.p. Bahagian Khidmat Pengurusan)**

4) Nota :

- i. Salinan sijil-sijil persekolahan dan lain-lain dokumen yang berkaitan hendaklah **DISAHKAN OLEH KAKITANGAN KERAJAAN KUMPULAN 'A'** dan disertakan bersama borang permohonan.
- ii. Hanya pemohon-pemohon yang layak selepas disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk temuduga dan mereka yang berjaya sahaja yang akan dihubungi.
- iii. Permohonan yang tidak lengkap dan lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

- iv. Segala perbelanjaan atas segala urusan permohonan jawatan ini adalah menjadi tanggungan pemohon sendiri.
- v. Sila nyatakan **jawatan** yang dipohon dibahagian **atas kiri sampul**.
- vi. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh tutup iklan dianggap tidak berjaya.

Sekian, terima kasih,

“BERKHIDMAT UNTUK AGAMA DAN NEGARA”
“KEDAH SEJAHTERA NIKMAT UNTUK SEMUA”

Saya yang menjalankan amanah,

HAJI MOHD. YUSRI BIN HAJI MD. DAUD, SDK.,AMK.,BCK
Setiausaha
Majlis Agama Islam
Negeri Kedah Darul Aman.